

Petua dan Pantang Larang Tradisional dalam Alam Melayu Sarawak

HAMIDAH ABDUL WAHAB

ABSTRAK

Masyarakat Melayu di Sarawak merupakan golongan peribumi kedua terbesar selepas kaum Iban dan kaya dengan kepercayaan serta amalan turun temurun yang menjadi sebahagian daripada peraturan sosial dan dikongsi bersama dalam kehidupan bermasyarakat. Kepercayaan dan amalan ini dimanifestasikan melalui petua-petua dan pantang larang lama yang diyakini kesannya terhadap kehidupan. Walaupun amalan petua dan pantang larang lama ini berpaksi kepada agama suci Islam, namun terdapat juga unsur-unsur animisme yang masih dikekalkan. Berasaskan senario ini, makalah ini akan mengetengahkan unsur-unsur yang menunjukkan hubung kait antara petua dan pantang larang tradisional Melayu Sarawak, khususnya dari aspek kehidupan sehari-hari, hidup berkeluarga dan keselamatan diri, dengan agama Islam dan unsur-unsur animisme. Selain itu, penelitian akan berkisar tentang signifikan amalan petua serta pantang larang tradisional ini pada zaman sekarang. Daripada penelitian, didapati bahawa petua dan pantang larang tradisional masyarakat Melayu Sarawak mempunyai perkaitan rapat dengan unsur-unsur yang dinyatakan sebelum ini, namun dengan batas dan penyesuaian berlandaskan agama Islam. Selain itu, petua dan pantang larang lama ini dilihat bermanfaat sebagai panduan dan nasihat kepada masyarakat dalam menelusuri alur kehidupan, justeru ada antaranya yang masih diamalkan sehingga kini.

Kata kunci: petua, pantang larang, Islam, animisme, Melayu Sarawak

ABSTRACT

The Malay community in Sarawak is the second largest indigenous group, after the Ibans. The Malay community is rich in beliefs and generations of practices which become part of the social rules and are shared with others living in the same community. The beliefs and practices are manifested in old folks' tips or 'petua orang-orang tua' that are believed to have influenced their ways of lives. Although the practices of the tips are based on the Islamic religion, there are elements of animism, which have been retained up until now. In view of this, the article will highlight these elements, which show the relationship between the Islamic religion, animistic elements and Sarawak Malay traditional old folks' tips, particularly from the aspects of the daily life, family life and security. Besides these, the significant of practices of these traditional old folks' tips are also examined. The outcome of the analysis shows that there are traditional old folks' tips of the Sarawak Malay community which are closely associated with the abovementioned elements, but with limits and appropriateness based on Islam. The old folks' tips are useful as a guide to the community in surviving the currents of life, so that they still practiced them now.

Key words: tips, taboo, Islam, animism, Sarawak Malay

PENGENALAN

Di Malaysia, masyarakat Melayu dapat dikenal melalui identiti dialek dan bahasa, serta budayanya yang tersendiri, berbeza dengan kaum-kaum lain seperti Cina, India, kaum peribumi di Sarawak dan Sabah, dan kaum minoriti lain. Hakikat ini sejajar dengan takrifan Melayu menurut Perlembagaan Malaysia, iaitu seseorang individu diklasifikasikan sebagai Melayu apabila beragama Islam, pandai berbahasa Melayu dan mengamalkan adat istiadat orang Melayu. Dalam hal ini, Islam bertindak sebagai tunjang kepercayaan dan pegangan orang Melayu, dan hal agama sangat dipentingkan dalam kehidupan, sejajar dengan kenyataan Mohamad Haji Arsat

(1996) yang menyentuh khusus terhadap orang Melayu Sarawak; orang Melayu merupakan kaum peribumi termaju, mementingkan pendidikan agama dan umumnya anak-anak mendapat pendidikan atas agama dan bahasa. Adat istiadat yang dinyatakan pula menjurus kepada amalan-amalan sehari-hari dan dalam upacara tertentu seperti perkahwinan, berpantang, kematian, berkhatar Al-Quran dan sebagainya. Jika diteliti dengan lebih khusus, perkataan 'adat' dalam konteks masyarakat Melayu merupakan cara yang biasa dilakukan, kebiasaan atau kelaziman, dan disamakan dengan kebudayaan, jelasnya dengan cara hidup yang khusus atau tertentu (Norazit Selat 2006). Sungguhpun terdapat perbezaan dari segi amalan dan kepercayaan dalam

masyarakat Melayu dengan kaum lain, masyarakat berbilang bangsa di Malaysia berjaya melestarikan keharmonian disebabkan faktor integrasi kaum dan rasa saling menghormati yang sangat kuat.

Secara khusus, masyarakat Melayu di Sarawak merupakan masyarakat pesisir dan penempatan mereka berpusat di kawasan pesisir, selain pusat daerah atau bandar (Awang Hasmadi Awang Mois 2001). Masyarakat Melayu di sini turut kaya dengan kepercayaan dan amalan turun temurun yang menjadi sebahagian daripada peraturan sosial dan dikongsi bersama dalam kehidupan bermasyarakat. Kepercayaan dan amalan ini turut dimanifestasikan melalui petua-petua tradisional dan pantang larang yang diyakini kesannya terhadap kehidupan. Sebelum kehadiran Islam dalam alam Melayu Sarawak, masyarakat umum mempercayai unsur-unsur animisme yang berkaitan hal-hal ghaib seperti semangat (roh) yang ada pada sesuatu benda seperti kayu atau batu, dan kuasa jahat yang wujud dalam dunia, atau seperti yang ditakrifkan oleh E.B. Taylor (dalam Ismail Hamid 1991) sebagai fikiran, kepercayaan dan keyakinan terhadap makhluk-makhluk halus dan kewujudan roh (*spirit*) dalam diri manusia, hasil daripada pelbagai pengalaman seperti mimpi, khayalan dan peristiwa kematian.

Selain animisme, pengaruh agama dan budaya Hindu-Buddha turut mewarnai kehidupan masyarakat Melayu pada zaman pemerintahan Raja-Raja Hindu dan Buddha. Kepercayaan-kepercayaan berkaitan agama tersebut mekar dalam masyarakat sehingga galah kedatangan Islam dari Timur Tengah dan Parsi yang menyebarluaskan pengaruhnya di alam Nusantara (*Adat Resam Penduduk Sarawak* 1988). Kehadiran Islam di rantau ini telah membawa perubahan terhadap masyarakat Melayu daripada pelbagai sudut, seperti kenyataan Taib Osman (dalam Ismail Hamid 1991), iaitu; kedatangan Islam ke Nusantara membawa perubahan meliputi semua aspek kehidupan orang Melayu seperti dalam bidang-bidang bahasa, sastera, adat istiadat dan lain-lain sehingga menjadikannya sebahagian daripada dunia Islam. Selain itu, menurut Chen, 1975 (dalam Mat Saat Baki 1993), pengaruh Islam merupakan pengaruh terbesar dalam membentuk identiti masyarakat Melayu, walaupun terdapat pengaruh luaran lain seperti Hindu dan Barat. Justeru, setelah Islam bertapak dan berakar umbi di bumi Sarawak, sesetengah kepercayaan dan amalan tradisi yang diwarisi sebelum ini, yakni yang melibatkan animisme dan pengaruh agama Hindu-Budha itu ada yang ditinggalkan, namun ada juga yang masih dikekalkan dan diamalkan dalam masyarakat, namun disesuaikan

mengikut tuntutan agama Islam. Fenomena ini seiring dengan hasil pemerhatian Frank Swettenham (2003:2) yang dimuatkan melalui *Perihal Orang Melayu*, yang menyatakan bahawa orang Melayu itu pengikut Muhammad dan percaya kepada takdir, tetapi dia juga percaya kepada tahuyl.

PETUA DAN PANTANG LARANG SERTA KAJIAN BERKAITANNYA DALAM MASYARAKAT MELAYU

Petua merujuk kepada nasihat, petunjuk, atau panduan yang berguna (biasanya oleh orang-orang tua atau yang berpengalaman) tentang cara melaksanakan sesuatu dengan berkesan (*Kamus Dewan* 2007:1202). Segala nasihat ini berkaitan dengan adat dan kepercayaan. Selain itu, unsur keadaan sekeliling juga mempengaruhi kewujudan nasihat, petunjuk, panduan yang kemudiannya dirumuskan sebagai petua Melayu. Masyarakat Melayu yang mendiami kepulauan Nusantara yang merupakan rumpun yang besar mempunyai pelbagai petua yang disaring, diubah suai dan disesuaikan, bergantung kepada suasana dan persekitaran masyarakat tersebut. Oleh hal yang demikian, terdapat titik persamaan antara etnik di Nusantara mengenai petua. Pantang larang pula merupakan sesuatu yang dilarang melakukannya menurut adat atau kepercayaan (*Kamus Dewan* 2007:1135). Misalnya, masyarakat desa yang menghuni kawasan yang berhutan rimba sudah tentu menempuh pelbagai cabaran dalam usaha melestarikan kehidupan, contohnya dalam mencari sumber rezeki dan sebagainya. Justeru, timbul pelbagai pantang larang untuk mengelakkan sesuatu yang buruk daripada berlaku.

Kajian bersifat ilmiah berkaitan petua-petua tradisional melibatkan kaum Melayu Sarawak pada dasarnya kurang ditemui. Fenomena ini mewujudkan kelompongan dalam aspek kajian sosiobudaya, lantaran kurangnya penyelidikan khusus merangkumi tebaran luas unsur pegangan, kepercayaan dan amalan masyarakat peribumi di Sarawak. Daripada pemerhatian dan penelitian terhadap sudut ini, kajian dari aspek sosial dan budaya di Sarawak lebih menjurus kepada adat resam dan kebudayaan masyarakat, sementara kajian-kajian kebahasaan pula berfokus kepada pemaparan elemen-elemen linguistik dialek-dialek peribumi tempatan.

Pengumpulan petua kaum Melayu di Sarawak telah diusahakan oleh A. Samad Ahmad (1996), rentetan daripada pertandingan pengumpulan petua

Melayu Sarawak. Dalam koleksi petua ini diturunkan petua-petua berkeluarga, petua berkaitan anggota badan, penyakit, makanan, masakan, dan lain-lain. Walaupun sumber koleksi petua tersebut diperoleh dari beberapa kawasan seperti Kuching, Samarahan, Lundu, Sri Aman, Kapit dan Sarikei, namun perkaitan petua tersebut dengan agama Islam dilihat amat kurang disentuh. Koleksi petua tersebut sekadar memaparkan data-data petua dan kegunaannya kepada umum.

Kajian berkaitan petua perubatan Melayu hasil selenggaraan A. Samad Ahmad pada 1992 turut memasukkan petua-petua lama berkaitan perubatan Melayu, hasil terjemahan daripada manuskrip asalnya; *Ilmu Tabib*. Dalam buku tersebut terdapat pelbagai jenis penyakit yang disenaraikan, antaranya termasuklah penyakit kepialu, demam panas dan barah, berserta cara pengubatannya yang kebanyakannya menggunakan tumbuh-tumbuhan dan bacaan-bacaan tertentu oleh dukun atau bomoh. Dalam penulisan ini, beliau menyatakan bahawa terdapat juga mantera kepercayaan agama Hindu yang menyalahi ajaran agama Islam, yang tidak dimasukkan. Namun, diturunkan juga beberapa mantera serta serapah dalam bahasa Siam dan Pegu (Burma) sebagai contoh untuk menunjukkan cara dan pegangan perubatan dukun dan bomoh zaman dahulu. Sungguhpun terdapat penggunaan mantera dan serapah, masyarakat Melayu zaman dahulu masih berpegang dengan ajaran Islam, dan dalam hal ini, mereka memasukkan unsur-unsur Islam dalam setiap amalan petua perubatan tersebut.

Terdapat juga kajian tentang kepercayaan orang Melayu berhubung dengan hal pertanian yang diusahakan oleh Amat Johari Moain (1990). Dalam tulisan beliau mengenai kepercayaan dalam kalangan orang Melayu terutamanya padi, beliau memfokus kepada perubahan masyarakat dan budaya. Dalam hal ini, aspek utama yang dikupas ialah kepercayaan berkaitan penanaman padi, terutamanya semangat padi, dengan meneliti persamaan dan keserupaan yang wujud dalam kalangan suku-suku bangsa serumpun di Nusantara. Selain itu, fenomena golongan muda yang tidak mengenal leluhur mereka kerana kepesatan sains dan teknologi juga dibincangkan, dengan menjurus kepada kadar kelajuan perubahan budaya yang menghakis pengetahuan berkenaan kepercayaan tradisional ini. Penulisan ini turut mengetengahkan perubahan terancang terhadap budaya, yang bermanfaat untuk perbandingan dan pengetahuan umum.

PENELITIAN ASPEK PETUA DAN PANTANG LARANG TRADISIONAL DALAM MASYARAKAT MELAYU SARAWAK

Kajian ini melibatkan kajian etnografi di lapangan, iaitu rakaman perbualan dan catatan tentang petua-petua dan pantang larang Melayu Sarawak. Petua-petua dan pantang larang yang dikumpulkan merangkumi beberapa aspek seperti penyakit, hal berkeluarga, keselamatan diri, masakan dan makanan, bercucuk tanam (pekerjaan), bertemu binatang bahaya, kebersihan, kecantikan, dan petua-petua serta pantang larang lain yang diamalkan dalam kehidupan sehari-hari. Responden kajian ini merupakan warga peribumi Melayu Sarawak dari kawasan Serian, Simunjan dan Kuching. Mereka terdiri daripada golongan berusia 50 tahun ke atas, yang dianggap matang dengan persekitaran, budaya dan alamnya.

Data kajian yang dikumpul disaring dan dianalisis dengan penekanan dalam dua aspek utama, iaitu; (i) mengetengahkan hubung kait antara petua dan pantang larang tradisional masyarakat Melayu Sarawak, khususnya aspek-aspek melibatkan kehidupan sehari-hari, perubatan, hidup berkeluarga dan keselamatan diri, dengan agama Islam dan unsur-unsur animisme, dan (ii) meneliti sisi pemertahanan dan signifikan amalan petua serta pantang larang tradisional ini pada zaman sekarang.

Daripada penelitian terhadap data yang dikumpul, didapati bahawa secara keseluruhan terdapat amalan petua dan pantang larang yang kuat dalam masyarakat Melayu di Sarawak. Hal ini demikian kerana, petua yang diamalkan bertujuan memandu cara hidup yang lebih selamat, yakni dengan membuat sesuatu berlandaskan kepercayaan dan agama agar hal-hal yang tidak diingini dapat dielakkan. Begitu juga halnya dengan pantang larang. Maka, terdapat kaitan dan pertindanan antara kedua-duanya dengan asas bahawa petua dan pantang larang yang diamalkan dalam masyarakat dapat memelihara kehidupan dalam acuan selamat dan jauh daripada perkara-perkara buruk. Berikut diturunkan beberapa aspek petua dan pantang larang yang wujud dalam masyarakat Melayu Sarawak.

Perubatan

Dalam petua yang melibatkan perubatan, didapati bahawa pengamal petua tradisional memanfaatkan bahan-bahan semula jadi yang ada di sekelilingnya

kerana mudah didapati dan tidak memerlukan kos yang tinggi. Tumbuh-tumbuhan dan bahan-bahan untuk masakan yang tertentu juga digunakan secara meluas dalam amalan petua tradisional. Misalnya, untuk mengubati kanak-kanak sakit perut dan menangis, masyarakat Melayu Sarawak mengambil bawang merah tunggal (bawang merah yang berbentuk bulat dan tidak berkembar) dan memicinya dicelah-celah ibu jari dengan jari kaki kanan, atau dipicit dan diletakkan di perut dan diubun-ubun kepala kanak-kanak tersebut. Petua ini dilakukan dengan irungan selawat ke atas nabi Muhammad dan bacaan *Bismillah*. Amalan petua ini sangat dipercayai keberkesanannya dan masih diamalkan pada hari ini kerana keyakinan terhadap khasiat bawang merah tersebut, yakni sebagai suatu ikhtiar penyembuhan, di samping keyakinan terhadap Tuhan yang berkuasa menyembuhkan segala penyakit (Hajah Uni 2008).

Selain itu, terdapat juga penggunaan sirih dan pinang dalam perubatan Melayu kerana kedua-dua elemen semula jadi ini amat penting dan dekat dengan alam dan budaya Melayu. Kepentingan ini juga diperjelas melalui kenyataan Jeniri Amir (2005), iaitu sirih amat sebatи dalam kehidupan, banyak digunakan dalam bidang pengubatan dan adat resam Melayu sehingga dikenali sebagai daun budi dan daun diplomasi, sementara pinang turut mempunyai maksud yang tersendiri. Bagi masyarakat Melayu, daun sirih biasanya akan dipanaskan pada api, lalu diletakkan di perut bayi dengan tujuan membuang angin atau menyembuhkan kembung perut. Contoh ini secara jelas menampakkan bahawa kaum ini memanfaatkan sirih dalam bidang pengubatan tradisional. Sungguhpun bersifat tradisional, penggunaan sirih dalam perubatan dinyatakan sangat relevan hingga kini kerana kemujarabannya. Hal ini demikian kerana sirih mempunyai hubungan yang dekat dengan alam Nusantara dan kemujarabannya dalam penyembuhan penyakit sangat dipercayai oleh masyarakat setempat.

Terdapat juga petua perubatan untuk ibu selepas bersalin yang menggunakan halia. Dalam hal ini, masyarakat Melayu Sarawak mempercayai bahawa halia dapat memanaskan dan menyegarkan tubuh badan selepas bersalin, iaitu semasa ibu masih berpantang. Masyarakat Melayu Sarawak dahulu dan sekarang akan memasak halia dan meminum airnya. Sepanjang tempoh berpantang, amalan menggunakan halia, baik sebagai minuman atau kegunaan luaran akan diteruskan dan kesannya diyakini amat berguna kepada pengamalnya.

Masyarakat Melayu Sarawak juga mengamalkan ‘berdiang’ selepas bersalin. Amalan petua tradisional ini dilakukan dengan membuat unggun api dan wanita yang berpantang tersebut akan duduk berhampiran dengan unggun api tersebut untuk memanaskan badan. Selain itu, petua ini juga dipercayai dapat melancarkan peredaran darah di dalam tubuh. Amalan berdiang ini pada asasnya tidak mempunyai tempoh tertentu yang perlu dipatuhi kerana amalan ini bergantung kepada individu terbabit. Sungguhpun demikian, biasanya wanita Melayu akan berdiang selama empat puluh hari, bergantung kepada kepercayaan tradisi generasi sebelumnya yang diwarisi. Walau bagaimanapun, amalan berdiang ini amat jarang dilakukan pada zaman sekarang, dan boleh dikatakan tidak lagi dikekalkan kerana perubahan cara hidup dan faktor modeninan semasa, selain terdapat banyak kaedah perubatan selepas bersalin yang lebih ringkas, cepat dan mudah.

Dalam amalan petua bagi keadaan tertentu, terdapat juga bacaan atau dipanggil ‘doa’ khusus yang diucapkan. Kewujudan ‘doa’ dalam amalan petua ini dilihat hasil warisan tradisi kerana pada zaman dahulu, yakni semasa adanya pengaruh Hindu yang kuat dalam alam Melayu, masyarakat menggunakan mantera atau jampi seraph secara meluas dalam bidang perubatan. Namun demikian, selepas kedatangan Islam ke tanah Melayu, penggunaan mantera dan seraph ini lama-kelamaan disesuaikan dengan ajaran Islam, yakni dengan memasukkan doa dan petikan ayat-ayat Al-Quran, manakala unsur-unsur pemujaan dan seruan dewi-dewi ditinggalkan.

Wanita dan Kecantikan

Selain petua perubatan, petua persediaan untuk pengantin secara khususnya pula melibatkan bahan-bahan semula jadi untuk pelbagai tujuan dan manfaat kesihatan serta kecantikan. Misalnya, beras pulut, kunyit, daun pandan dan bunga tanjung akan ditumbuk dan seterusnya *dikasei* (dilumur) pada seluruh badan selama tujuh hari. Selain dapat menghaluskan dan melembutkan kulit, amalan ini dipercayai dapat menaikkan seri muka pengantin. Untuk menaikkan seri wajah juga, pengantin perlu minum air campuran kunyit dengan sedikit gula. Amalan petua tradisional ini sangat penting dilakukan untuk memastikan bakal pengantin kelihatan sihat, bersih dan berseri semasa persandingannya, dan resam ini masih kekal dilestarikan pada zaman

sekarang (Hajah Uni 2008). Di samping itu, terdapat doa yang perlu dibaca semasa petua atau amalan tersebut diadakan, iaitu;

*Bismillahirrahmanirrahim
Induk kunyit, induk melati
Ditanam Allah belakang bumi
Muka berseri-seri
Seperti anak Rasulullah yang menjadi
Seri naik ke dahai
Cahaya naik ke muka
Bendang naik ke belakang
Ya Allah, Ya Allah
Kukuhkan Allah
Berkat ku makei doa Rasulullah*

Doa tersebut jelas menunjukkan kehadiran unsur-unsur Islam dengan pengutaraan kata-kata seperti ucapan Bismillahirrahmanirrahim, Allah, Rasulullah dan sebagainya, di samping penonjolan penggunaan bahan semula jadi yang bermanfaat untuk kesihatan dan kecantikan diri seperti kunyit. Hal ini jelas menunjukkan bahawa amalan petua menggunakan elemen tumbuhan berserta doa tersebut masih lagi berpaksi kepada agama suci Islam, kerana pengamalnya tidak memasukkan unsur pemujaan terhadap roh, kuasa ghaib dan sebagainya. Hal ini mirip dengan amalan masyarakat Melayu dahulu, iaitu selepas menerima Islam, masyarakat Melayu lazim memulakan jampi serapah dan mantera perubatan mereka dengan bacaan “Bismillahirrahmanirrahim” dan mengakhirinya dengan lafadz “Dengan berkat kalimah Lailaha illallah, Muhammadar-Rasulullah”, untuk menambahkan mujarab dan keberkesanannya.

Dalam hal petua dan pantang larang berkaitan wanita, sebagaimana wanita Melayu di Semenanjung, wanita Melayu Sarawak juga tidak digalakkan duduk di muka pintu. Sekiranya berbuat demikian, wanita tersebut akan lambat bertemu jodohnya. Pantang larang ini berkaitan dengan aspek nilai dalam budaya Melayu secara keseluruhannya. Hal ini kerana, sudah tentu wanita yang duduk di muka pintu akan mengundang pelbagai persepsi, khususnya yang tidak elok dalam kalangan orang kampung. Wanita bersopan-santun dalam konteks tradisional tidak berbuat demikian kerana lazimnya mereka sibuk dengan tugas menguruskan rumah. Sekiranya ingin duduk sekali pun, wanita akan duduk di tempat yang sesuai, iaitu di ruang tamu. Duduk di muka pintu merupakan perbuatan yang jarang dilakukan oleh wanita. Dalam konteks ini, pantang larang ini merupakan kebalikan kepada petua kerana pada masa yang sama pantang larang ini diamalkan,

berkemungkinan juga ia merupakan petua mendapat jodoh dengan lebih cepat kerana tidak terhalang oleh perkara-perkara yang tidak diingini.

Selain itu, wanita Melayu Sarawak juga tidak digalakkan menyanyi di dapur. Menurut kepercayaan orang-orang tua, wanita yang selalu menyanyi di dapur akan mendapat suami yang tua. Petua ini juga berkaitan dengan sistem nilai dalam masyarakat. Hal ini demikian kerana, adalah sesuatu perbuatan yang tidak manis apabila wanita menyanyi di dapur, yang seterusnya mungkin akan menyebabkan fokus kerja, khususnya semasa memasak akan terganggu. Kesannya, makanan yang dimasak mungkin tidak sedap kerana tersalah ramuan. Apabila perbuatan ini berterusan, nilai dan imej seseorang sebagai perawan turut akan terjejas.

Pada zaman sekarang, terdapat masyarakat Melayu yang masih mempercayai kedua-dua pantang larang ini dan mencuba mengelakkan diri daripada melakukannya. Namun, pada masa yang sama, terdapat juga sesetengah individu dalam masyarakat ini yang lebih bersikap terbuka dan kurang prihatin akan kewujudan pantang larang tradisional yang dianggap agak ketinggalan zaman ini.

Pengantin

Dalam masyarakat Melayu tradisional Sarawak, sudah menjadi kelaziman pasangan pengantin akan bertandang ke rumah keluarga terdekat mereka khususnya selepas majlis perkahwinan dilangsungkan. Bagi pengantin yang baru pertama kali bertandang, mereka perlu diberikan tepung tawar atau dipanggil ‘pupur’ (bedak biasa) dan minyak wangi. Untuk tujuan ini, tuan rumah keluarga terdekat akan merenjis tepung tawar sambil berdoa agar pengantin diberikan kebahagiaan hingga ke akhir hayat. Sekiranya amalan ini tidak dilaksanakan, keadaan tersebut dikatakan akan ‘tunggal haus’, yakni menyebabkan sesuatu tidak baik akan berlaku kepada tuan rumah atau pengantin itu sendiri.

Pengantin yang baru berkahwin pula tidak dibenarkan keluar melintas ‘seberang laut’ dalam tempoh seminggu perkahwinan. Konsep ‘seberang laut’ ini merujuk kepada apa-apa juga perlakuan yang pergi ke sesuatu tempat melalui sungai maupun laut. Tujuan petua ini adalah untuk mengelakkan sebarang kejadian buruk pada ketika baru melangsungkan perkahwinan (Abang Seruji Abang Muhi 2008).

Mengandung dan Bayi

Terdapat juga petua dan pantang larang untuk mendapat anak yang baik perangainya, iaitu apabila seseorang itu mengandung, individu tersebut tidak boleh duduk di kepala tangga. Dikatakan bahawa sekiranya si ibu berbuat demikian akan menyebabkan anaknya mengikut perangai ibunya yang buruk (Hajah Maimunah 2008). Petua ini memiliki aspek nilai yang tinggi, iaitu seseorang ibu yang mengandung tidak boleh duduk di tangga, yakni satu tempat yang boleh membahayakannya, sebaliknya duduk di kawasan yang lain, yang lebih selamat dan selesa.

Bagi menyambut anak kelahiran pertama, anak tersebut akan diberikan tepung tawar oleh tuan rumah yang dikunjungi. Kaki anaknya akan diletakkan di dalam buyung beras, sambil berdoa agar besar menjadi orang yang berguna, kemudian dimandikkan. Selain itu, disediakan juga beras, pinang, sirih, kapur dan sedikit duit di dalam pinggan. Beras misalnya akan dapat dijadikan bubur, sirih dijadikan bahan untuk ‘bertapal’, manakala pinang dan kapur misalnya dapat ‘disembur’ ke perut atau dahi sekiranya dimasuki angin atau jika bayi ‘terkejut’ (Hajah Maimunah 2008). Bahan-bahan tersebut dirujuk sebagai ‘lapik kaki’ yang disediakan oleh tuan rumah apabila menerima kehadiran bayi sulung. Petua ini dilakukan untuk menjaga keselamatan dan kesihatan bayi secara keseluruhan agar bayi tersebut selamat dan terhindar daripada sebarang hal yang buruk.

Masyarakat Melayu tradisional Sarawak juga mengamalkan ‘conteng’ apabila sakit perut, pening atau demam. ‘Conteng’ merupakan lakaran berbentuk swastika diikuti dengan doa atau selawat ke atas nabi. Amalan ini dilakukan kerana kepercayaan masyarakat, kononnya terdapat jembang yang akan menganggu individu, khususnya anak-anak kecil. Amalan ‘conteng’ banyak dilakukan pada tahun-tahun 1960-an. Pada tahun-tahun selepasnya, petua ini kurang lagi diamalkan.

Keselamatan Diri

Masyarakat Melayu Sarawak, seperti juga masyarakat Melayu amnya mempercayai perkara-perkara yang kebetulan berlaku dalam kehidupan sehari-hari sebagai perkara yang perlu diberi perhatian dan sekiranya diabaikan, sesuatu hal yang tidak elok mungkin akan berlaku. Fenomena ‘kebetulan’ yang mungkin kerap terjadi pada akhirnya memungkinkan wujudnya keyakinan dan kepercayaan terhadap kebenaran hal-hal tersebut.

Justeru, wujudlah petua-petua dan pantang larang yang perlu diamalkan sebagai panduan kehidupan untuk menjaga keselamatan diri agar tidak ditimpah sebarang bencana.

Dalam konteks ini, sungguhpun kepercayaan atau keimanan merupakan salah satu entiti terpenting kepada pemikiran Melayu dan menunjukkan bahawa Islam itu ialah asas kepada kerohanian (Abang Yusuf Puteh 1996), namun didapati bahawa masih terdapat adunan kepercayaan dalam masyarakat Melayu Sarawak, khususnya dalam hal berkaitan kuasa alam. Hal ini mungkin disebabkan pengaruh kepercayaan animisme yang telah berakar umbi dalam masyarakat Melayu, iaitu pada zaman masyarakat Melayu masih belum mengenal agama, mereka amat kuat mempercayai hantu, jembang, polong, pelesit dan mempercayai bahawa segala sesuatu itu ada mempunyai semangat, penunggu, puaka dan sebagainya.

Sebagai contoh, masyarakat Melayu Sarawak, misalnya di Simunjan mengamalkan petua dan pantang larang tertentu apabila ingin masuk ke dalam hutan, sama ada untuk mencari hasil hutan, berburu dan sebagainya. Ekoran daripada kepercayaan animisme dahulu yang masih kuat dalam kalangan mereka walaupun selepas kedatangan Islam, masyarakat Melayu Sarawak masih mengamalkan petua dan pantang larang keselamatan diri dengan mengelakkan menyebut perkara-perkara buruk semasa masuk ke dalam hutan. Selain itu, mereka akan mengambil sedikit tanah dan diletakkan di dahi supaya tidak ‘diganggu’ oleh kuasa jahat atau binatang-binatang apabila berada di dalam hutan. Tanah dilihat sebagai simbolik yang menunjukkan manusia sebat dengan alam, lantaran dipercayai bahawa manusia juga berasal daripada tanah. Selain itu, petua ini disertakan dengan memberi salam, selawat ke atas nabi Muhammad dan bacaan al-Fatihah, di samping bacaan berikut;

*Oh kawan, anak cucu tumpang lalu,
Anak Rasulullah, anak buah nabi Muhammad.*

Bacaan ini dinyatakan sebagai mampu menghalang ‘makhluk halus’ daripada mengganggu individu yang masuk ke dalam hutan, dan pada masa yang sama dilindungi oleh ‘payung’ Allah, serentak dengan kepercayaan bahawa individu tersebut turut ‘dijaga’ oleh Rasulullah di kiri dan kanannya (Hajah Uni 2008). Amalan ini masih diteruskan hari ini kerana kuatnya kepercayaan akan kuasa alam terhadap kehidupan manusia.

Sementara itu, di kawasan Batang Sadong dan Batang Lumar, golongan tua Melayu masih lagi

mempercayai bahawa amalan meletakkan daun di telinga perlu dilakukan apabila terdapatnya hujan panas. Menurut golongan ini, apabila daun diletakkan di telinga, makhluk halus tidak akan mengganggu mereka kerana dianggap ‘sekeluarga’ dengan mereka. Petua ini mempunyai unsur yang bertentangan dengan nilai-nilai Islam kerana ‘makhluk halus’ tidak tergolong dalam keluarga yang sama dengan manusia. Perbuatan mengiktiraf makhluk halus sebagai keluarga dapat dianggap sebagai mengakui kekuasaan makhluk halus lebih besar daripada kekuasaan Allah Taala. Hal ini bertentangan dengan konsep tauhid, iaitu mengesakan Tuhan. Dalam hal ini, perlu disedarkan bahawa pertolongan hanya diminta daripada Allah Taala dan bukannya daripada mahluk-makhluk lain.

Selain itu, apabila tuan rumah mengajak tetamu makan, maka mestilah tetamu itu makan ataupun sekurang-kurangnya menjamah (menyentuh) sedikit makanan tersebut. Tujuannya adalah agar seseorang itu tidak kempunan. Namun, rasionalnya adalah agar seseorang tetamu tersebut menghormati tuan rumah, iaitu supaya tuan rumah tidak berkecil hati apabila pelawaannya ditolak. Selain itu, jika seseorang itu inginkan sesuatu untuk dimakan, maka perlulah disegerakan. Terdapat juga kisah bahawa seorang penduduk di kampung Buntal temasuk jarinya ke dalam mesin tebu akibat daripada kempunan. Hal ini demikian kerana, beberapa hari sebelum kejadian, individu tersebut ingin makan rendang ayam. Malangnya, rendang tersebut habis dimakan anaknya. Oleh sebab itu, beberapa hari kemudiannya jari-jarinya cedera parah semasa menolong isterinya memproses tebu (Seman bin Lehi 2008).

Dalam hal kempunan juga, apabila dalam sesebuah keluarga sedang makan dan terdapat salah seorang ahli keluarganya tidak ada bersama, si ibu akan meninggalkan lauk untuk si anak yang tidak ada. Maka si ibu akan berkata, “lauk ini akan ditinggalkan untuk ‘ular’”. Si ibu tidak boleh menyebut nama anak yang belum makan itu kerana ia akan menyebabkan si anak nanti boleh terkena kempunan (Hajah Maimunah 2008). Petua ini sering diamalkan dalam kalangan masyarakat Melayu tradisional Sarawak.

Terdapat juga petua keselamatan diri berkaitan hal-hal makhluk halus yang wujud di dunia ini. Misalnya, terdapat polong yang berupa sejenis telur dan bersayap, terbang pada waktu malam khususnya malam Jumaat. Polong biasanya dibuat untuk mendatangkan kesakitan kepada subjek sasarannya. Polong dibuat oleh bomoh yang pakar dalam ilmu

hitam. Apabila polong jatuh ke rumah seseorang yang dijadikan sasaran, maka seseorang itu akan jatuh sakit. Polong juga dipercayai boleh mendatangkan mudarat kepada sesiapa yang melihat polong itu jatuh. Dalam amalan petua orang Melayu Sarawak, apabila melihat polong terbang, maka segerakan berteriak “Polong Sik Berinduk” (Polong Tak Bertuan). Teriakan tersebut dipercayai akan menyebabkan polong itu pecah dan tidak terkena kepada apa-apa sasaran.

Dalam satu konvensyen politik di Sarawak, semasa konvensyen berlangsung dan berlakunya pertandingan, terdapat dakwaan bahawa rumah calon yang bertanding dijatuhi polong di hadapan rumahnya. Dipercayai bahawa polong tersebut dilakukan oleh orang lain yang melakukan protes dan cuba mensabotaj calon tersebut. Difahamkan, cubaan polong itu gagal kerana telah dipintas oleh ‘ilmu baik’ yang menjaga keselamatan calon yang bertanding tersebut.¹

Selain itu, terdapat keluarga Melayu di Sarawak yang dilarang makan ikan. Hal ini demikian kerana, menurut sumber cerita, ikan tersebut pernah menyelamatkan moyang keluarga tersebut semasa lemas. Maka moyang itu telah bersumpah tidak akan memakan ikan tersebut. Jika mereka memakannya maka akan berlaku sesuatu yang buruk terhadap ahli keluarga tersebut (Hajah Maimunah Daud 2008).

Bercucuk Tanam

Hasil penelitian juga mendapat juga petua dan pantang larang bercucuk tanam dalam masyarakat Melayu Sarawak. Masyarakat Melayu di sini percaya bahawa untuk mendapatkan hasil pertanian yang baik, petua semasa bercucuk tanam perlu diamalkan. Dalam hal ini, individu yang ingin menanam pokok sirih misalnya, perlu memicit tanah sambil berselawat ke atas nabi Muhammad, lalu mengucapkan;

*Suburlah kau,
Supaya kita senang bersedekah dan mencari rezeki.*

Daripada kajian, didapati bahawa pengucapan di atas perlu dibuat supaya ‘semangat’ tanah tersebut tidak mengganggu orang yang menanam pokok di kawasan tersebut. Selain itu, niat dan ucapan yang baik seperti ingin bersedekah dan mendapat rezeki juga amat penting untuk menjadikan pokok tersebut subur dan mengeluarkan hasil yang banyak (Hajah Uni 2008). Amalan petua yang masih subur dalam masyarakat sekarang ini jelas disulam dengan nilai

murni berbudi kepada tanah dan masyarakat sekeliling yang amat dituntut dalam Islam. Petua yang disertai dengan unsur Islam seperti selawat juga menampakkan bahawa ajaran dan amalan berkaitan Islam telah sebat dengan kehidupan Muslim, sehingga menjadi praktik dalam hal-hal sehari-hari termasuklah bercucuk tanam. Perlakuan ini dikatakan masih menjadi amalan masyarakat sehingga sekarang.

Terdapat juga sesetengah keluarga Melayu di Sarawak mempunyai pantang larang apabila menanam sesuatu tumbuhan. Misalnya, terdapat sesebuah keluarga mempunyai pantang menanam halia. Sekiranya ditanam juga, ahli keluarganya akan meninggal dunia dalam keadaan yang tidak dijangka. Begitu juga halnya menanam pohon ciku, kerana terdapat juga keluarga ditegah menanam ciku kerana akan menyebabkan kematian ahli keluarganya (Hajah Maimunah Daud 2008). Demikian beberapa petua, tegahan dan pantang larang dalam kehidupan kaum Melayu Sarawak tradisional.

PENUTUP

Perkongsian aspek petua dan pantang larang tradisional ini menampakkan bahawa terdapat masyarakat Melayu Sarawak yang mempercayai kuasa dan sumber-sumber alam perlu dihormati kerana ia merupakan sebahagian daripada tunjang asas kehidupan. Terdapat juga kepercayaan terhadap unsur animisme yang masih dikekalkan sehingga ke hari ini. Sungguhpun demikian, lantaran masyarakat Melayu yang asasnya beragama Islam, mereka sememangnya tidak dapat lari daripada berpaksikan kepada agama suci ini. Justeru, terdapat perkaitan yang amat rapat dengan unsur agama, yakni menerusi aplikasi doa dan bacaan khusus, yang dimuatkan dalam amalan petua dan pantang larang tersebut. Senario ini menampakkan bahawa amalan petua tradisional oleh masyarakat Melayu Sarawak ini ternyata mempunyai pengaruh Islam yang amat besar. Dari aspek kelestarian petua dan pantang larang ini, dilihat bahawa terdapat petua dan pantang larang yang masih relevan dan diteruskan oleh ahli masyarakat, namun ada yang telah ditinggalkan kerana perubahan gaya hidup, khususnya melibatkan aspek perubatan dan kesihatan. Tuntasnya, petua dan pantang larang masyarakat Melayu Sarawak sewajarnya diteliti, dihalusi dan dihargai oleh generasi hari ini kerana signifikannya dengan budaya dan kepercayaan masyarakat, serta kemampuannya menyumbang kepada kosa ilmu dan manfaat pelbagai pihak.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan jutaan terima kasih atas usaha pengumpulan data kajian bersama Dr. Awang Azman Awang Pawi.

NOTA

¹ Wawancara bersama sumber yang enggan mendedahkan identiti. Sumber merupakan ahli parti politik tersebut.

RUJUKAN

- Abang Yusuf Puteh. 1996. *The Malay Mind*. Kuching: Shobra Publications Sdn. Bhd.
- Adat Resam Penduduk Sarawak*. 1988. Kuching: Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak.
- Amat Johari Moain. 1990. *Kepercayaan Orang Melayu Berhubung dengan Pertanian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Samad Ahmad (pnyl.). 1996. *Petua-Petua Melayu Sarawak Tradisional*. Kuching: Yayasan Budaya Melayu Sarawak.
- Awang Hasmadi Awang Mois. 2001. *Adat Melayu Sarawak*.
- Adat Melayu Serumpun: Adat Bersendi Syarak, Syarak Bersendi Kitabullah*. Melaka: Perbadanan Muzium Melaka.
- Frank Swettenham. 2003. *Perihal Orang Melayu*. Terjemahan oleh Zubaiddah Ibrahim. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. 2007. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Hamid. 1991. *Masyarakat dan Budaya Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka & Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jeniri Amir. 2005. Sirih pinang pembuka bicara. *Dewan Budaya*. Ogos 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mat Saat Bakri. 1993. Tingkah laku tak normal. *Psikologi Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Haji Arsat. 1996. *Sejarah Perkembangan Lembangan Rajang di Sarawak*. Sibu: Jawatankuasa Warisan Kebudayaan Dewan Suarah.
- Norazit Selat. 2006. Perbilangan adat sebagai pembentuk jati diri Melayu. *Pandangan Semesta Melayu: Pantun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Temu bual dan Wawancara

- Temu bual informan, Hajah Uni Jais, 13 April 2008 di Kampung Melayu Gedong, Simunjan Sarawak.
- Temu bual informan, En. Seman bin Lehi, 17 April 2008 di Kampung Buntal Kuching, Sarawak.
- Wawancara aktivis budaya Sarawak, Hajah Maimunah Daud, 25 April 2008.
- Wawancara aktivis budaya Sarawak, En. Abang Seruji Abang Muhi, 26 April 2008.

*Hamidah Abdul Wahab
Pensyarah
Pusat Pengajian Bahasa
Universiti Malaysia Sarawak
94300 Kota Samarahan, Sarawak, MALAYSIA.
E-mail: awhamidah@cls.unimas.my*